

24/05/2001

Lembaga Disiplin tidak aniaya sesiapa

KUALA LUMPUR, Rabu - Lembaga Disiplin, badan bebas yang ditubuhkan oleh Umno untuk menyiasat aduan kes pelanggaran disiplin parti, tidak menganiaya sesiapa walaupun sesetengahnya mempunyai pertalian dengan pemimpin tertentu.

Seorang ahli panel lembaga itu, Datuk Nakhaie Ahmad, berkata siasatan dijalankan secara menyeluruh berdasarkan bukti yang dikemukakan selain memanggil kedua-dua pihak - pengadu dan orang yang didakwa.

"Kita tak menganiaya orang...bukan senang nak hukum orang tanpa bukti kukuh. Jika ada keraguan kita tolak. Kalau nak ikut (kenyataan akhbar oleh mereka yang didapati bersalah), semua kata tak salah tetapi kita lihat dari segi lain secara menyeluruh.

"Lembaga Disiplin ada semua bukti. Takkan kita kata tidak terbabit kalau jelas orang itu main politik wang. Sampai bila pun orang ini akan kata tak salah, tetapi kita akan tetap kata salah berdasarkan siasatan menyeluruh," katanya ketika dihubungi.

Kelmarin, Majlis Tertinggi (MT) Umno menolak rayuan enam ahli Umno, termasuk tiga ketua bahagian yang didapati bersalah kerana terbabit dengan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian, baru-baru ini.

Dengan itu, ia menyokong dan memperakui semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Disiplin, termasuk hukuman ke atas enam ahli terbabit.

Mereka ialah Ketua Umno Bahagian Gopeng, Mustafa Kamal Mohd Nawar; Ketua Penerangan Umno Bahagian Gopeng, Mohamad Annuar Baharuddin; calon Timbalan Ketua Umno Bahagian Bagan Serai, Zaki Din; Ketua Umno Bahagian Baling, Datuk Zainol Mohd Isa; Ketua Penerangan Umno Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah dan Ketua Umno Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.

Mereka didapati melakukan kesalahan seperti membawa anggota Umno melawat ke luar negara dan mengadakan lawatan secara rombongan.

Abdullah, Zainol, Mustafa Kamal, Rahmat dan Mohamad Annuar digantung hak untuk memilih, dipilih dan dilantik ke sebarang jawatan pada semua peringkat sehingga 2007, manakala Zaki pula digantung hak itu selama dua kali pemilihan parti peringkat cawangan, bahagian dan MT.

Beliau berkata, oleh kerana rayuan semua enam ahli terbabit ditolak oleh MT, maka hukuman itu adalah muktamad.

Kelmarin, Dr Mahathir juga berkata, MT berpendapat secara praktiknya, ia (MT) tidak boleh menjadi badan rayuan kerana ini adalah proses yang agak rumit kerana jumlah kes banyak serta berpendapat mereka yang didapati bersalah boleh mengemukakan rayuan kepada Lembaga Disiplin dan MT membuat perakuan saja.

Nakhaie berkata, lembaga itu mungkin turut mengendalikan rayuan seperti disarankan iaitu bagi kes yang sedang disiasat.

Katanya, mengikut perlembagaan Umno, MT mempunyai kuasa untuk menurunkan kuasanya kepada badan khas ditubuhkan seperti Lembaga Disiplin.

Beliau berkata, walau apapun tuduhan dilemparkan kepada Lembaga Disiplin, mereka tetap menjalankan tugas diamanahkan.

(END)